

KESALAHAN BAHASA

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan bahasa (penggunaan ejaan/ imbuhan /kesalahan penggunaan kata/ istilah). Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu.

1. Saya mengucapkan berbilang terima kasih atas kesudian tuan merasmikan kempen Cintai Sungai Kita peringkat daerah ini.

berbilang -

2. Kelawar-kelawar yang bergayutan di dinding Gua Niah menarik perhatian pelancong.

Kelawar-kelawar -

3. Wakil rakyat di kawasan pedalaman itu telah mensyorkan pembinaan sebuah stesen jana kuasa kecil di situ.

mensyorkan -

4. Penggunaan e-mail memberikan kemudahan untuk seseorang menyampaikan mesej dalam beberapa saat sahaja.

e-mail -

5. Kempen anti-dadah peringkat kebangsaan yang dilancarkan oleh kerajaan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

anti-dadah -

6. Zamri telah mengupah juru ukur tanah untuk mengukur keluasan tanah kebun miliknya.

juru ukur -

7. Stesen minyak-stesen minyak di bandar-bandar utama negara kita mengamalkan konsep layan diri.

Stesen minyak-stesen minyak -

8. Pembabitan golongan wanita di dalam pelbagai bidang kerjaya telah mengangkat martabat mereka.

di dalam -

9. Penduduk kampung itu akan bergotong-royong apabila tiba musim membajak padi.

membajak -

10. Hasrat Amin untuk menyertai ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu terpaksa dimansuhkan kerana belum mendapat keizinan daripada kedua-dua ibu bapanya.

dimansuhkan -